



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

RINTIHAN UMAT ISLAM DI SELATAN THAILAND

[SN34295] Seramai 131 orang penduduk selatan Thailand bertindak menyelamatkan diri daripada keganasan pihak tentera dengan menyeberangi sempadan Malaysia-Thai untuk masuk ke negeri Kelantan pada 31hb Ogos 2005 yang lepas [Utusan Malaysia 1hb September 2005]. Mereka bertindak demikian kerana bimbang dengan tindakan ketenteraan Thailand yang sebelum ini didakwa menembak mati 17 orang Islam termasuk imam kampung dalam operasi Isnin 29 Ogos 2005 lalu. Sementara itu, Ketua Polis Kelantan, Pemangku Senior Asisten Komisioner 1 (SAC 1), Zulkifli Abdullah dalam satu kenyataannya mengesahkan kehadiran 62 warga Thailand di Masjid Gual Tinggi dan 69 orang di Masjid Pengkalan Kubor. Mereka yang terdiri daripada guru, imam dan bekerja sendiri kelihatan cemas sambil membawa beg pakaian menandakan mereka berniat untuk tinggal lama di Kelantan. Menurut Pengerusi Majlis Agama Islam Narathiwat, Abd Rahman Abd Samad, ia berpunca daripada insiden tunjuk perasaan penduduk atas pembunuhan imam tempatan, Satok Pak Yusof, 55, tetapi ia dinafikan oleh pihak tentera. Disebabkan pendirian tegas para penduduk dan keengganan mereka untuk bertolak-ansur dengan pasukan keselamatan serta pegawai kerajaan, pihak tentera telah melakukan kekerasan ke atas para penduduk. Inilah di antara peristiwa terbaru yang berlaku di selatan Thai sejak undang-undang darurat diperkenalkan di sana. Bersandarkan peristiwa ini, Sautun Nahdhah ingin mengupas hakikat konflik ini, serta mengutarakan penyelesaian yang sewajarnya diusahakan oleh kaum muslimin.

Sejarah dan realiti konflik

Penderitaan umat Islam di wilayah Pattani sebenarnya telah lama bermula, iaitu sejak kejatuhan Kesultanan Melayu-Islam Pattani pada tahun 1786. Tentera-tentera Siam telah bertindak di luar batas kemanusiaan ketika memasuki wilayah-wilayah Pattani. Dengan kejatuhan empayar agung itu, yang pernah menguasai wilayah selatan Thai bermula dari Phattalung hingga ke negeri Terengganu, ini bermakna wilayah Pattani telah dijajah sepenuhnya oleh Kerajaan Siam, termasuklah Kelantan dan Terengganu. Keamanan di kawasan tersebut hampir hilang terutamanya setelah penghapusan pemerintahan Kesultanan Melayu-Islam Pattani melalui dasar *Thesaphiban* pada tahun 1902. Empayar tersebut kemudiannya pupus secara mutlak apabila perjanjian sempadan (**Perjanjian Bangkok**) ditandatangani pada 1909 di antara Kerajaan Siam dan British, yang mana ia menyaksikan British mengiktiraf penguasaan Siam ke atas Pattani, Yala, Narathiwat dan Songkhla manakala British pula mendapat kuasa mutlak ke atas Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu. Sejak itu juga, orang-orang Melayu Pattani berada di dalam keadaan tertekan dan daif. Sebagaimana yang diungkap oleh W.A.R. Wood, Konsul British di Songkhla, orang-orang Melayu telah menjadi mangsa sebuah pemerintahan yang *'misgoverned'*. Justeru, tidaklah hairan kekacauan seringkali berlaku di wilayah-wilayah selatan Thai.

Penentangan dari kalangan penduduk tempatan ini telah dibalas dengan penangkapan tanpa bicara pemimpin ulama dan para pengikutnya. Ini dapat digambarkan melalui perutusan telegram oleh Tengku Abdul Jalal, seorang pejuang kemerdekaan Pattani pada 27hb Januari 1948 kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, yang menyatakan:

"Penindasan terhadap masyarakat Melayu di Selatan Siam oleh pegawai-pegawai Kerajaan Siam boleh membahayakan keamanan. Perbuatan ini dilakukan oleh pihak berkuasa Siam untuk menindas keturunan berbangsa Melayu yang beragama Islam. Pemimpin Islam ditahan sejak 16hb Januari lalu dengan tidak diketahui sebab dan alasannya. Perhatikan kemarahan orang-orang Melayu ini, dikuatiri akan mencetuskan pertumpahan darah. Oleh itu, diminta agar tindakan segera dan siasatan secepat mungkin dilakukan oleh pihak berkuasa Majlis Keselamatan", **Tengku Abdul Jalal bin Tengku Abd Mutalib, Jawatankuasa Perwakilan Melayu Selatan Siam.**

Tarikh 26hb April 1948 merupakan tarikh yang tidak akan dilupakan oleh umat Islam Pattani. Pada tarikh tersebut, kira-kira 400 hingga 600 orang telah menjadi korban keganasan pasukan Thai. Namun begitu, sumber kerajaan Thai pula mendakwa hanya 30 hingga 100 orang sahaja yang terkorban. Serangan ganas pasukan Thai ke atas orang-orang Melayu tanpa sebarang senjata itu berlaku berikutan teretusnya perhimpunan untuk menentang kerajaan Siam. Penentangan itu muncul kerana bantahan mereka kepada Kerajaan Thai telah ditolak. Bantahan tersebut meliputi hal-hal penganiayaan oleh pegawai-pegawai kerajaan Thai yang tidak berpengalaman, dasar pendidikan yang hanya mengajarkan bahasa Siam dan corak pemerintahan menerusi kuasa tentera dan polis secara fasis. Peristiwa tersebut lebih dikenali sebagai **Perang Dusun Nyior**. Pada tahun 1954, berlaku peristiwa menyayat hati apabila pemimpin ulama Pattani, Tuan Guru Haji Sulong telah ditemui mati di pantai Songkhla di dalam keadaan terikat. Peristiwa ini telah sekali lagi menimbulkan kemarahan penduduk Islam di Wilayah Pattani. Pada Sabtu 29hb November 1975,

ketegangan yang berlaku di Masjid Besar Menara telah menyebabkan berlakunya pembunuhan 5 orang pemuda Melayu-Islam di **Jambatan Kota**, Kampung Kaki Bukit, Wilayah Menara (Narathiwat). 23,000 umat Islam berkumpul sambil menunjuk perasaan di bandar Pattani. [**Utusan Malaysia, 22 Disember 1975**]. Bahkan, peristiwa tersebut telah menggemparkan kota Bangkok apabila mahasiswa Islam yang belajar di sana telah menubuhkan *Kumpulan Selatan* di samping mendapatkan persetujuan *Majlis Pelajar Nasional Thai* atau *National Student Council of Thailand* (NSCT). Hasilnya, sebuah akhbar berbahasa Inggeris yang berpengaruh di Thailand, *Bangkok Post*, telah menyiarkan berita pembunuhan itu di muka hadapan sebagai tajuk utama.

Terbaru, pada 28hb April 2004, berlaku pula tragedi berdarah **Masjid Krisek**. Dianggarkan 117 pemuda Melayu-Islam ditembak mati oleh pasukan tentera dan polis Thai termasuklah 34 orang pemuda yang dibunuh di dalam masjid tertua tersebut. Tidak lama selepas itu, dunia sekali lagi dikejutkan dengan **Tragedi Tak Bai** pada 25hb Oktober 2004 yang lalu. Statistik yang diberikan oleh seorang pemerhati bebas menjelaskan bahawa 6 orang mati serta merta akibat terkena tembakan, 78 orang mati di hospital, 35 mayat ditemui terapung di dalam sungai dan 1,298 orang mengalami kecederaan. Disebabkan peristiwa-peristiwa tersebut, kepercayaan masyarakat Islam kepada pentadbiran Bangkok luluh bagai dirobek-robek.

Memandangkan kebanyakan sekolah pondok memainkan peranan yang sangat penting di dalam membina jati diri Muslim bagi umat Islam, kerajaan Thai melihat ia akan menjadi halangan utama proses asimilasi penduduk Islam ke dalam masyarakat Thailand. Maka sejak tahun 1930an dan 1940an, Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan dan Menteri Dalam Negeri Thai ketika itu, **Phibun Songkram** (1939-44) cuba melakukan asimilasi penduduk Islam wilayah selatan Thai melalui Dasar *Rathaniyom* dengan menukar bahasa perantaraan pengajaran sekolah-sekolah pondok daripada bahasa Arab ke bahasa Thai. Dasar ini juga terlalu banyak menekan amalan agama Islam dan budaya orang Melayu di wilayah tersebut. Ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan golongan alim ulama dan penduduk setempat. Dasar tersebut dipandang sebagai ancaman kepada identiti dan cara hidup mereka. Berikut ini, sekolah-sekolah pondok telah digunakan untuk menyebarkan idea-idea kebangkitan Islam di kalangan para pelajar.

Sekiranya diperhatikan dari fakta sejarah dan hakikat kekejaman pihak berkuasa Thai, tidak hairanlah sekiranya ramai yang merasakan bahawa kejadian serangan-serangan bom yang berlaku sejak hari Isnin, 29hb Ogos 2005 lepas, yang telah menggugat keselamatan masyarakat Melayu Pattani di selatan Thai, adalah merupakan akibat dari kerja tangan pihak pemerintah sendiri. Di dalam usaha untuk menghapuskan pejuang-pejuang Islam, mereka telah menerapkan undang-undang tentera dan Akta Kuasa

Darurat. Ia menyebabkan mereka kerap-kali bertindak zalim terhadap masyarakat Islam hingga menyebabkan masyarakat Islam hilang kepercayaan terhadap pemerintah. Dengan Akta Kuasa Darurat yang baru dikuatkuasakan, umat Islam di wilayah selatan Thailand terdedah kepada tindakan melampau pasukan polis dan tentera Thai. Menurut temuramah dengan salah seorang penduduk wilayah selatan Thai yang melarikan diri itu, pihak berkuasa Thai telah menggeledah rumah-rumah penduduk kampung seawal jam 3 pagi di dalam usaha menjejaki para pejuang Islam. Mereka yang disyaki akan ditahan dan kemudian lenyap tanpa diketahui nasibnya. Ini semua berpunca daripada siri serangan letupan bom di beberapa tempat di wilayah selatan Thailand sejak beberapa hari yang lalu.

Penyelesaian yang dicari

Ketika artikel ini ditulis, kesemua 131 orang penduduk selatan Thailand tersebut masih ditahan di depoh tahanan sementara imigresen Tanah Merah untuk tindakan lanjut. Angka 131 ini agak unik memandangkan pada Februari 1981, 131 orang penduduk pekan Merah Betong, Yala telah menyeberang sempadan untuk mendapatkan perlindungan di Baling, Kedah akibat keganasan tentera Thai. Kerajaan Malaysia ketika itu terpaksa memberikan perlindungan kepada pelarian ini. Bahkan satu Jawatankuasa Petugas Khas telah ditubuhkan ketika itu di Kedah dan Perak untuk mengurus masalah tersebut [**Utusan Malaysia, 11 April 1981**].

Di kala kerajaan Malaysia dan Thai masih bermain kata-kata di dalam isu ini, wajarlah diingatkan kepada pihak berkuasa Malaysia bahawa sebarang tindakan yang diambil haruslah selari dengan perspektif Islam. Ketika Rasulullah Salallahu 'alaihi wasallam dan para sahabat berada di dalam tekanan dan ancaman daripada pihak kafir Quraisy di Mekah, sebilangan kaum Muslimin telah berhijrah ke Habsyah. Hijrah tersebut bukan bertujuan untuk mendapatkan bantuan di dalam bentuk kuasa politik memandangkan Raja Najasy merupakan seorang yang taat dengan ajaran Nabi Isa ketika itu, tetapi ia semata-mata untuk mendapatkan perlindungan Raja Najasy daripada penyiksaan orang-orang kafir Quraisy. Walaupun orang-orang Quraisy mendesak, tetapi Raja Najasy berkeras untuk tidak menyerahkan kaum Muslimin kepada mereka [**Syeikh Taqyuddin An-Nabhani, Ad Daulah Al-Islamiyyah**].

Berdasarkan dalil ini, pelarian umat Islam daripada wilayah selatan Thai yang sedang ditahan di Kelantan itu hendaklah diberikan perlindungan. Bukan hanya semata-mata atas dasar perikemanusiaan, tetapi juga atas sebab umat Islam adalah umat yang satu. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala yang bermaksud:

“Sesungguhnya umat ini adalah umat yang satu dan Aku adalah Rabbmu, maka bertakwalah kepada Ku”. [TMQ Al Mukminun: 52]

Ayat di atas menegaskan bahawa **kesatuan umat itu mempunyai implikasi bahawa ia harus berdiri**

di atas satu sistem dan satu *deen*. Kesatuan tersebut dapat digambarkan seperti sebuah bangunan masyarakat yang setiap individunya diikat oleh tali Allah Subhanahu wa Ta'ala. Memisahkan diri darinya bermakna telah terkeluar daripada ketentuan syara'.

Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala yang bermaksud:

“Dan berpegang-teguhlah kalian semuanya, dan janganlah kalian bercerai-berai...”
[TMQ Al Imran : 103]

Sheikh Abdul Aziz Al Badri di dalam kitabnya *Al Islam Dhaaminun lil Haajat Al Asaasiyah likulli Fardin wa Ya'malu lirafaahiyatih* menyatakan bahawa umat Islam adalah umpama satu tubuh, setiap individu adalah bahagian yang tidak dapat dipisahkan. Ini adalah sebagaimana hadis Rasulullah Salallahu 'alaihi wasallam yang bermaksud:

“Perumpamaan orang-orang Muslim, bagaimana kasih sayang dan tolong menolong terjalin antara mereka, adalah laksana satu tubuh. Jika satu bahagian merintih merasakan sakit, maka seluruh bahagian tubuh akan bertindakbalas dengan berjaga(tidak dapat tidur) dan merasa demam lantaran reaksi tubuh”
[HR Muslim]

Khatimah

Perpecahan umat Islam hari ini menyebabkan umat Islam terlupa tentang ikatan mereka dengan saudara seIslam dengan mereka. Mereka tidak melihat isu di Selatan Thailand, Afghanistan, Palestin dan Iraq daripada perspektif Islam namun mereka hanya membincangkannya daripada perspektif manfaat ekonomi dan sosial semata-mata. Isu-isu ini disembitkan menjadi isu yang berbentuk nasionalistik, seolah-olah kaum muslimin yang merana ini wajar dikasihani dan dihulurkan simpati, namun masalah tersebut tidak sepatutnya diperpanjangkan kepada kaum muslimin yang lain. Padahal, ia sepatutnya menjadi titik-tolak untuk memperingatkan semua umat Islam akan kewajipan kita untuk mencari

penyelesaian menyeluruh agar konflik-konflik tersebut tidak berulang, sebagaimana hadis Rasulullah Salallahu 'alaihi wasallam yang bermaksud:

“Dan barangsiapa yang ketika ia bangun dari tidur tanpa memikirkan urusan umat Islam, maka ia bukan dari kalangan mereka”. [HR Al Hakim]

Menegakkan sebuah entiti politik iaitu **Khilafah Islamiyyah** adalah perkara yang mesti diperbincangkan, dicanangkan dan diusahakan oleh setiap individu Muslim. Khilafah Islamiyyah telah dilenyapkan pada 3hb Mac 1924 dan sejak itu, pelbagai konflik melanda umat Islam. Kini, tibalah masanya ia ditegakkan semula agar ia menjadi pelindung dan penjaga bagi umat Islam, sesuai dengan hadis Rasulullah Salallahu 'alaihi wasallam yang bermaksud:

“Sesungguhnya imam adalah laksana perisai, yang (umat) akan berperang dan berlindung di belakangnya”. [HR Muslim, Abu Dawud, An Nasa'i, Ahmad dari Abu Hurairah]

Hadis di atas dengan jelas menerangkan kepada kita bahawa hanya khalifah (imam) sahaja yang dapat menyatukan umat dan seterusnya menjadi pelindung bagi mereka. Konflik di wilayah selatan Thailand merupakan secebis episod sedih keadaan umat Islam masakini. Terdapat banyak lagi konflik yang melibatkan penderitaan umat Islam di seluruh dunia. Selagi Khilafah Islam tidak didirikan, umat Islam di seluruh dunia akan terus berada di dalam ancaman kuasa kuffar. Sayugia itu, marilah kita berusaha menggembeling tenaga merintis perjalanan dakwah Rasulullah Salallahu 'alaihi wasallam untuk mendirikan semula Khilafah atas manhaj kenabian (*khilafah 'ala minhaj an-nubuwwah*) agar nasib semua saudara seagama kita yang dikala ini merana disebabkan makar pihak kuffar akan terbeli. Usaha ini juga adalah untuk memastikan Islam yang kaffah direalisasikan sebagai indikasi terbitnya sinar di penghujung terowong kegelapan jahiliyyah, lantas muncul sebagai *rahmah lil 'alamin*.

.....

:::Bicara SN:::

New Orleans Saksi Kegagalan Kapitalisme Membela Rakyat.

Seminggu selepas dilanda taufan Katrina, New Orleans dan tiga bandar raya utama yang lain menjadi tumpuan pasukan penyelamat untuk mencari mangsa-mangsa yang terkorban - jumlahnya masih menjadi tanda tanya - dalam malapetaka yang paling buruk di Amerika Syarikat (AS).

Menurut Datuk Bandar New Orleans, Ray Nagin, terdapat beribu-ribu mayat di bandar raya yang musnah itu. Ketika ditanya oleh CNN mengenai jumlahnya, Nagin berkata dia tidak tahu angka korban dengan tepat tetapi menganggarkan bilangan korban boleh mencapai 50,000 hingga 60,000 orang. Antara faktor yang menyumbang kepada jumlah korban yang besar ini adalah – penduduk yang terlalu miskin dan ketiadaan sarana pengangkutan. Dua faktor ini dikenal pasti menjadi punca ramai mangsa banjir di New Orleans gagal menyelamatkan diri dengan cepat apabila Taufan Katrina mula melanda. Analisis yang dilakukan Associated Press berdasarkan kepada data yang boleh dipercayai menunjukkan bahawa majoriti penduduk di Louisiana, Mississippi dan Alabama adalah golongan minoriti serta berpendapatan sekitar AS\$10,000 (RM37,700) setahun, jauh daripada purata pendapatan kebangsaan.....(lihat mukasurat seterusnya)

....Walaupun AS merupakan sebuah negara maju dan kaya, penemuan analisis tersebut bukanlah sesuatu yang memeranjatkan. Sememangnya kapitalisme tidak akan mampu menjamin teragihnya kekayaan di dalam negara. kepada golongan yang tidak bernasib baik. Walaupun ketika kekayaan itu amat-amat diperlukan oleh golongan tersebut untuk menyelamatkan nyawa mereka. Sikap tidak prihatin pentadbiran Bush kepada bencana alam ini telah meyingkap wajah sebenar golongan elite kapitalis yang mentadbir AS. Peristiwa ini juga mendedahkan kepada dunia harga yang diberikan kepada nyawa manusia di dalam negara terkaya di dunia itu. **Sebuah negara yang angkuh dengan pencapaiannya di arena penerokaan angkasa lepas, kecanggihan persenjataan, dan kemampuannya dalam menghancurkan negara musuh, kini terpaksa mengemis bantuan kecemasan dari EU dan NATO untuk membekalkan selimut, ubat-ubatan, lori tangki air dan makanan untuk para mangsa Taufan Katrina!**

Ini adalah AS yang mendakwa menduduki carta teratas peradaban berbanding dengan negara-negara yang lain kerana mempercayai dirinya sebagai pelopor kepada hak asasi manusia dan persamaan (*equality*). Tetapi malapetaka ini telah menunjukkan kepada dunia sikap sebenar golongan elite kapitalis di AS yang diterajui oleh pentadbiran Bush melalui layanan buruk yang diberikan kepada golongan miskin, iaitu rakyat berkulit hitam yang merupakan majoriti dari mangsa malapetaka ini. Di kala AS menggunakan kekuatan ketenteraannya untuk memaksa Dunia Islam supaya menerima kapitalisme, kapitalisme jugalah yang menjadi punca kepada kekacauan dan kerosakkan di dalam masyarakatnya. Sudah tiba masanya Dunia Islam diperintah oleh Khalifah Islam di mana nyawa manusia dihargai, tanpa mengira sama ada ianya Islam ataupun bukan Islam, berkulit hitam ataupun putih. Khalifah inilah yang akan menghulurkan bantuan kepada mereka yang miskin dan lemah dengan menegakkan sistem ekonomi dan sosial yang akan menghancurkan-bibit-bibit perkauman dan kemiskinan dari akar umbinya.

:::Bicara SN:::

Berusaha untuk menegakkan Khilafah bukanlah suatu pilihan yang boleh diketepikan sekiranya pemikiran hari ini mengatakan ia tidak lagi 'sesuai' dengan aspirasi 'moden' umat manusia. Menegakkan Khilafah merupakan suatu keperluan yang amat mendesak bagi kaum muslimin dan umat manusia atas beberapa alasan. Alasan yang paling utama adalah kerana hanya dengan Khilafah sahajalah hukum Islam yang kaffah dapat diterapkan, sekaligus mengembalikan kemuliaan kepada umat Islam yang telah terhina sekian lama. Dengan tertegaknya Khilafah juga, nasib umat manusia yang tidak terbela akibat dari tekanan dan kezaliman sistem kafur akan mendapat perhatian yang sewajarnya. Seperti juga hukum solat, menegakkan Khilafah adalah merupakan suatu kewajiban yang diletakkan keatas bahu kaum muslimin. Antara dalilnya:

'Maka putuskanlah perkara di antara manusia dengan apa yang diturunkan Allah dan janganlah engkau mengikuti hawa nafsu mereka dengan meninggalkan kebenaran yang telah datang kepada kamu' [TMQ AL-Maidah: 48]

'(Dan) Hendaklah kamu memutuskan perkara di antara mereka dengan apa yang telah diturunkan Allah dan janganlah engkau mengikuti hawa nafsu mereka. Dan berwaspadalah engkau terhadap fitnah mereka yang hendak memalingkan engkau dari sebahagian apa yang telah diturunkan Allah kepadamu' [TMQ Al-Maidah: 49]

Seruan diatas bukanlah setakat diturunkan kepada Rasulullah namun ia bersifat umum keatas seluruh kaum muslimin untuk mewujudkan pemerintahan yang berdasarkan hukum Allah secara kaffah; bukannya secebis sana, secebis sini, lalu didakwa Islam telah diterapkan. Allah juga memerintahkan kaum muslimin agar mentaati penguasa (Ulil Amri).

'Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah, RasulNya dan Ulil Amri dari kalangan kamu' [TMQ AN-Nisa': 59]

Sudah pasti Allah tidak memerintah kaum muslimin untuk mentaati seseorang yang tidak wujud. Ulil Amri di sini adalah penguasa yang akan **menerapkan Islam secara kaffah, bukannya penguasa yang menerapkan sistem kapitalis dan 'membungkusnya' dengan 'aspirasi Islam' lalu mendakwa Islam telah diterapkan.** Ketiadaan Ulil Amri ini, dan perintah Allah untuk mentaatinya membawa implikasi kewajiban bagi kaum muslimin untuk melantiknya. Ulil Amri kaum muslimin telah wujud sejak zaman Rasulullah hinggalah kejatuhan Khilafah Uthmaniyyah pada 3hb Mac 1924. **Adalah tanggungjawab kita sebagai kaum muslimin hari ini untuk berusaha menegakkan Khilafah seperti mana kita diwajibkan Allah Subhanahu wa Ta'ala untuk solat, berpuasa, membayar zakat dan menunaikan haji.**